

# Prospek Proton suram tanpa kepakaran Lotus

Oleh AMRAN AHMAD

KUALA LUMPUR 3 Jan. – Proton Holdings Bhd. (Proton) akan hanya menjadi firma pemasang kereta dan bukan lagi pengeluar kenderaan nasional jika meneruskan niat untuk menjual kepentingannya dalam Group Lotus plc. (Lotus).

Menurut penganalisis, Lotus sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan (R&D) menawarkan platform terbaik bagi membolehkan Proton muncul sebagai peserta global dalam pasaran automotif antarabangsa.

Selain itu, tanpa Lotus, Volkswagen AG (VW) yang dijangka menguasai kepentingan dalam firma pengeluar kereta nasional itu akan menjadikan kilang milik Proton sebagai pusat pengeluaran sahaja bagi kereta-kereta firma Jerman itu.

Menurut seorang penganalisis, dengan teknologi semasa yang dimilikinya,



UM - 4/1/2005

Proton hanya mampu mengeluarkan kenderaan yang boleh diterima di pasaran tempatan sahaja dan tanpa keupayaan untuk mengeksport ke luar negara.

"VW tidak memerlukan Lotus untuk mengeluarkan kereta berteknologi terkini bertaraf dunia kerana mereka sendiri mempunyai teknologi dan jenama yang lebih baik dan mampu bersaing di peringkat global secara bersendirian.

"Apa yang VW perlukan ialah kilang berteknologi

tinggi di samping tenaga kerja yang mahir untuk mengeluarkan kereta VW dalam kuantiti yang banyak pada kos yang rendah," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas khabar angin yang semakin kencang mengenai kemungkinan Proton menjual seluruh kepentingannya dalam Lotus selepas menjual anak syarikatnya, firma teknologi motosikal MV Agusta Motor SpA dari Itali.

Lotus, sebagai firma ke-

juruteraan yang terkenal di serata dunia dengan penawaran teknologi automotif terkini boleh membantu Proton menghasilkan enjin terbaik, tambahnya.

Firma yang berpusat di Norfolk, United Kingdom itu sebelum ini telah membantu Proton membangunkan enjin Campro yang digunakan oleh model Gen.2.

Sebelum ini, beberapa majalah automotif melaporkan kira-kira 10 peratus daripada kereta-kereta baru di Kesatuan Eropah menggunakan sama ada teknologi atau reka bentuk yang dihasilkan oleh Lotus.

Minggu lalu, Proton menjual 57.8 peratus kepentingan dalam MV Agusta yang dikatakan menanggung hutang berjumlah 139.4 juta euro (RM627 juta) pada harga satu euro (RM4.50) sahaja.

Proton membeli kepentingan dalam MV Agusta pada harga 70 juta euro

(RM315 juta) pada akhir tahun 2004.

Penganalisis Permotoran Frost & Sullivan, Ho Hee Hean berkata, ikatan strategik antara Proton dan Lotus berpotensi untuk memberi kesan yang lebih baik sekiranya dilaksanakan menggunakan kaedah dan tempoh masa yang sesuai dan mencukupi.

"Saya rasa penjualan Lotus tidak sepatutnya dibuat sekarang; pihak pengurusan perlu memberi masa setahun atau dua tahun lagi bagi melihat hala tuju dan masa hadapan Proton, lebih-lebih lagi berkaitan pasaran eksport," jelasnya.

Walaupun telah 10 tahun menjalankan perikatan yang strategik bersama Proton, beliau percaya banyak lagi penemuan dan pulangan yang boleh dicapai dengan Lotus sekiranya proses pemindahan teknologi serta hasil R&D berjalan lancar.